

29 SEP 2000
Haji-Saudi/I

NEGARA ISLAM LAIN PATUT BELAJAR DARIPADA M'SIA, KATA MENTERI SAUDI

PUTRAJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Rekod baik Malaysia dalam pembangunan dan toleransi terhadap pelbagai budaya dan agama patut menjadi contoh kepada negara Islam membangun lain, kata Menteri Haji Arab Saudi Dr Iyad Ameen Madani hari ini.

Menurutnya negara Islam lain malah negara bukan Islam patut mendapatkan manfaat dan belajar daripada pengalaman Malaysia.

"Tidak ada satu contoh ikutan tetapi pastinya banyak pengalaman Malaysia yang boleh memberi manfaat kepada yang lain ... setiap negara mempunyai kaedah khusus dan unik," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Dr Iyad yang berada di sini bagi menghadiri persidangan pertama mengenai bimbingan haji bermula esok berkata Arab Saudi memandang tinggi terhadap Malaysia, terutama pembangunan dan kepimpinannya.

Beliau berkata mereka kagum terutama dengan tahap toleransi dan persefahaman antara pelbagai kaum di negara ini dan menegaskan bahawa ia sesuatu yang harus dipelajari oleh negara lain.

Pada pertemuan itu, Dr Iyad berkata beliau menyampaikan penghargaan kerajaan negaranya kepada kerajaan Malaysia mengenai kelengkapan logistik yang terbaik yang disediakan untuk persidangan itu.

"Saya juga memberitahu Perdana Menteri tujuan persidangan itu dan apa yang diharap dapat dihasilkan," kata Dr Iyad yang tiba di Malaysia bersama 100 anggota delegasi lain semalam.

"Kami berterima kasih kerana beliau akan merasmikan persidangan kami esok. Kami tidak sabar lagi untuk mendengar nasihat dan bimbingannya," katanya.

Dr Iyad yang pernah bercuti beberapa kali di Malaysia, berkata negara ini menjadi semakin popular di kalangan pelancong Arab Saudi dan berkata kira-kira 20,000 pelancong datang ke sini tahun lepas.

"Sebagai sebuah negara Islam, kami selesa berada di sini. Kedudukan sosial adalah serupa dengana kami dan terdapat banyak kawasan kampung dan pantai serta gedung perniagaan," katanya.

-- BERNAMA

AR AHH LAT RON